

## 1. PENGENALAN

- ❖ Minuman ringan terdiri daripada dua jenis:
  - Berkarbonat seperti air soda bergas, minuman kola dan minuman berbuih yang berperisa
  - Minuman tidak berkarbonat atau tidak bergas

## 2. BAHAYA KESIHATAN DAN KESELAMATAN

- ❖ Bahaya Fizikal
  - Terdedah kepada bunyi bising dari bermacam jenis mesin dan bunyi dentingan dari botol-botol kaca
- ❖ Bahaya Kimia
  - Ammonia yang digunakan sebagai bahan penyejuk
  - Bahan pencuci kaustik
- ❖ Bahaya Ergonomik
  - Bahaya dari penyakit atau kecederaan otot dan tulangsendi disebabkan oleh cara mengendali barang yang tidak betul dan berdiri berpanjangan menjalankan tugas

- ❖ Bahaya psikososial
  - Tekanan dan keletihan disebabkan oleh kerja berjadual/syif
- ❖ Bahaya Keselamatan
  - Luka dan cedera
    - Dari pecahan botol-botol kaca
  - Kecederaan kepada jari atau bahagian anggota badan yang terperangkap didalam mesin yang bergerak
  - Kejutan elektrik contohnya berpunca dari penebatan atau perangkap putaran arus elektrik dari mesin-mesin yang tidak mencukupi
  - Tersadung dan terjatuh disebabkan lantai basah atau bekerja ditempat tinggi

## 3. PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN

- ❖ Keadaan alam sekitar secara umum
  - ✓ Ruang udara yang memadai dan pengedaran udara yang baik
  - ✓ Suhu yang selesa
  - ✓ Pencahayaan yang mencukupi
  - ✓ Lantai diperbuat dari bahan yang tidak licin

- ✓ Lantai sentiasa berkeadaan kering dengan penyaliran yang mencukupi
- ❖ Ergonomik
  - ✓ Pengendalian barang secara manual yang betul dan mengetahui teknik mengangkat benda berat dengan betul
- ❖ Pengawalan kebisingan
  - ✓ Selindung mesin yang bising
  - ✓ Pemeliharaan mesin yang kerap
  - ✓ Mengurangkan bilangan langgaran dan kelajuan perjalanan botol
  - ✓ Memasang penghadang akustik
- ❖ Menggunakan alat pelindung diri yang sesuai - but getah, apron, topi, pelindung mata, pelindung telinga
  - ✓ Pekerja yang berkerja di bahagian botol atau pembuangan pecahan kaca hendaklah disediakan dengan pelindung mata, tangan, muka dan tangan
  - ✓ Penyediaan penutup telinga ditempat bising
- ❖ Penghadangan mesin yang bersesuaian untuk mengelakan terluka atau kecederaan contohnya oleh tali konveyer

- ❖ Laluan ke kawasan yang tinggi disediakan dengan menggunakan jejantas yang kukuh; titi samping dan tangga hendaklah dibuat dengan "open grating"
- ❖ Penyediaan kemudahan pencuci dan tandas yang mencukupi dan bersih
- ❖ Disebabkan keadaan yang lembab, pastikan keselamatan elektrik:

- ✓ Pemeliharaan perangkap putaran arus elektrik yang cermat / "grounding" keatas semua mesin
- ✓ Tiada terlebih beban keatas soket elektrik
- ✓ Menggunakan peralatan yang mempunyai kualiti yang baik
- ✓ Mengganti talikod elektrik jika wayar tersebut terdedah
- ✓ Tutup semua suis untuk perkakas dipenghujung hari kerja

- ❖ Pencegahan Api

- ✓ Laluan kecemasan yang mencukupi
- ✓ Pemadam api yang mencukupi
- ✓ Latihan cara-cara untuk memadamkan api

- ❖ Penyediaan tanda keselamatan yang bersesuaian dan mencukupi contohnya "AMARAN - LANTAI BASAH"

- ❖ Waktu rehat yang mencukupi

- ❖ Penyimpanan barang secara teratur ("good housekeeping")
- ❖ Mempelajari bantuan kecemasan dan pastikan semua peti kecemasan tersedia
- ❖ Menjalani program pengawasan kesihatan dan vaksinasi berpatutan untuk semua pekerja



## *BEKERJA DI INDUSTRI MINUMAN*



**BAHAGIAN KESIHATAN CARA KERJA  
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN**

***FAKTA TENTANG RISIKO  
KESIHATAN DAN  
KESELAMATAN***